

Untuk Siaran Segera

**Panasonic Memperkenalkan Revolusi Siri Plasma dan LCD
G, S dan X**

Sempurnakan Hidup dengan VIERA

Petaling Jaya, 26 Mac 2009 – Panasonic Malaysia memperkenalkan barisan TV plasma dan LCD VIERA terbaru bagi tahun 2009, ia terdapat dalam tiga siri – G, S, dan X. Dengan saiz skrin dari 32 ke 50 inci yang dapat memenuhi keperluan dari pelbagai jenis pengguna untuk digunakan di rumah atau perniagaan. Ia juga menjanjikan fungsi kualiti imej yang tinggi yang dapat memberikan kepuasan pada penggemar filem dan juga fungsi rangkaian yang menarik perhatian pengguna.

Menurut Tony Endoh, Pengarah Urusan Panasonic Malaysia, “Tahun ini, model-model plasma Viera dan LCD lebih maju dari segi teknologi, kualiti gambar dengan kecekapan tinggi dan dimensi yang lebih nipis berbanding model-model sebelum ini, rangkaian pintar dan lebih mesra alam”.

“Kami ingin mencapai sasaran dengan menawarkan kepada anda untuk mengembangkan penggunaan Viera, menjadikan ia sebagai keperluan dalam hidup anda. Bukan sahaja sebagai televisyen, juga sebagai alat yang membolehkan anda menikmati saat-saat bersama keluarga dan rakan-rakan ketika berkongsi gambar-gambar peribadi, rakaman video atau filem dan permainan kegemaran menggunakan Kad SD.

Tambah Endoh lagi, “Teras teknologi untuk model-model tahun ini adalah teknologi NeoPDP yang direka untuk mencapai tahap generasi baru dari segi kecekapan dan kualiti gambar dalam tiga kawasan utama seperti struktur sel baru, pemrosesan dan bahan baru dan *new drive*”.

“Tambahan pula, model-model LCD kami menggunakan panel IPS Alpha dengan nisbah apertur yang lebih besar yang menyediakan filem gambar yang terang, kontras yang tinggi dan sudut penglihatan yang lebar.”

“Sehubungan dengan pelancaran ini, kami akan mengadakan ‘Panasonic Revolution 09 Roadshow’ selama lima hari bermula dari 25 hingga 29 Mac yang bertempat di Kompleks Membeli-Belah Sunway Pyramid. Kami akan mempamerkan plasma 150 inci terbesar di dunia dan Neo Plasma 50 inci Ultra Nipis 8.8 mm bersama dengan *super high-efficiency* Neo Plasma 42 inci dengan luminasi tiga kali ganda sebagai tarikan utama untuk disaksikan pengunjung, buat julung kalinya di Malaysia.”

“Kami akan mempamerkan produk-produk lain dari alat perkakasan rumah, peralatan untuk kesihatan dan kecantikan hinggalah ke kamera LUMIX dan Kamkoder SD. Kami berharap pameran ini dapat menarik perhatian pengunjung disamping mengambil bahagian dalam aktiviti yang disediakan dan mendorong pengunjung untuk membeli barangan dengan harga promosi untuk membantu meningkatkan taraf ekonomi pada skala yang kecil.”

“Dalam pada itu, kami juga ingin mempromosi pameran tiga jenis karavan VIERA, setiap satu untuk kawasan bandar, luar bandar dan Malaysia Timur. Karavan untuk kawasan bandar dengan tema ‘Digital, Home Entertainment Roadshow’ akan dilancarkan di Pusat Membeli-belah Sunway Pyramid dan akan menjelajah bandaraya utama sementara karavan di kawasan luar bandar dengan tema ‘World of Full High Definition Roadshow’ akan menjelajah kawasan luar bandar Peninsula Malaysia. Karavan untuk Malaysia Timur pula membawa tema ‘World of High Definition Roadshow’. Kesemua pameran bergerak karavan akan bermula dari bulan April sehingga September 2009.”

Menurut kata Liew Choon Wah, Penolong Pengurus Besar Pemasaran AV, “Kempen ‘Sempurnakan Hidup dengan VIERA’ (NO VIERA NO LIFE) akan dilancarkan untuk mempromosi siri baru model-model Viera pada tahun ini.

Mengenai Panasonic Malaysia Sdn Bhd

Panasonic Malaysia Sdn Bhd ialah syarikat jualan, perkhidmatan dan pemasaran untuk jenama Panasonic bagi rangkaian produk elektrik dan elektronik daripada audio visual, kelengkapan rumah, penghawa dingin, kamera digital dan video, kelengkapan penyiaran System professional, System perniagaan, telekomunikasi, penjagaan kesihatan dan kecantikan sehingga ke batteri dan lampu. Semua produk Panasonic boleh di dapati menerusi pengedar sah kami seluruh negara. Untuk maklumat lanjut berhubung jenama dan produk Panasonic, layari laman web www.panasonic.com.my atau hubungi Pusat Penjagaan Pelanggan di 03-5542 2288.

Untuk siaran akhbar dan gambar, sila muat turun daripada www.pmpressroom.com

Perhubungan Media:

Azizah Wahid

Penolong Pengurus Besar, Komunikasi Korporat & Penjenamaan

Tel: 03 7809 7876 Mobil: 019 217 2730

Emel: azizah.wahid@my.panasonic.com

###